



كرداه دارالامان

KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN
PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUBANG PASU
KOMPLEKS PENTADBIRAN DAERAH KUBANG PASU
06000 JITRA, KEDAH DARUL AMAN

TELEFON :
Pej. Peg. Daerah - 04-918 3101
Pengurusan Daerah - 04-918 3100
Pengurusan Tanah - 04-918 3200

FAKS :
Pej. Peg. Daerah - 04-917 4400
Pengurusan Daerah - 04-917 4400
Pengurusan Tanah - 04-917 0696

E-MAIL :
- pdkp@kedah.gov.my
- ptkp@kedah.gov.my
WEBSITE :
- webpdt.kedah.gov.my

Rujukan Kami : PTKP/J/17/2016 (34)

Tarikh : 28 AUG 2019

Semua Ketua Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri / Persekutuan

Tuan,

**KENYATAAN SEBUT HARGA NO. PTKP 3/2019
PERKHIDMATAN MENCUCI DAN MEMBERSIH BANGUNAN PEJABAT TANAH DAERAH
KUBANG PASU**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.


2. Bersama-sama ini disertakan satu kenyataan sebutharga tersebut yang menerangkan maksudnya untuk dipamerkan di papan kenyataan jabatan Tuan.
3. Di atas segala kerjasama pihak Tuan amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KEDAH AMAN MAKMUR – HARAPAN BERSAMA MAKMURKAN KEDAH”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' HAJJ MOHD FISOL BIN MD NOH, DSDK., SDK., AMK., BCK.)
Pegawai Daerah Kubang Pasu
Kedah Darul Aman





KOMPLEKS PENTADBIRAN DAERAH KUBANG PASU
06000 JITRA, KEDAH DARUL AMAN

TEL: 04-9183200 / 04-7028383 FAKS: 04-9170696

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

TAWARAN INI ADALAH DIPELAWA KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT YANG BERDAFTAR DENGAN SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA, KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA MEMPUNYAI LESEN YANG SAH YANG MASIH DIBENARKAN UNTUK UNTUK MENYERTAI SEBUT HARGA SEBAGAI KONTRAKTOR PEMBEKALAN/PERKHIDMATAN KERAJAAN NEGERI KEDAH UNTUK MELAKSANAKAN KERJA PEMBEKALAN/PERKHIDMATAN.

	BUTIRAN TAWARAN	TEMPAT/ TARIKH DOKUMEN DIPEROLEHI	SYARAT PENDAFTARAN	TARIKH PENJUALAN BORANG	TARIKH/MASA SEBUTHARGA DITUTUP
1	NAMA PROJEK : PERKHIDMATAN MENCUCI DAN MEMBERSIH BANGUNAN PEJABAT TANAH DAERAH KUBANG PASU DAN PERSEKITARANNYA BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN MULAI 01 NOVEMBER 2019 HINGGA 31 OKTOBER 2021	TEMPAT : UNIT HASIL, PEJABAT TANAH DAERAH KUBANG PASU, JITRA, KEDAH DARUL AMAN	LESEN KEMENTERIAN KEWANGAN SYARAT KHAS : BERDAFTAR DENGAN PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KEDAH	TARIKH : 02 SEPTEMBER 2019 TAKLIMAT / LAWATAN TAPAK AKAN DIJALANKAN PADA 02 SEPTEMBER 2019 PADA JAM 10.00 PAGI BERTEMPAT DI PEJABAT TANAH DAERAH KUBANG PASU, JITRA, KEDAH DARUL AMAN (KEHADIRAN ADALAH DIWAJIBKAN DAN HANYA KONTRAKTOR YANG HADIR TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK SAHAJA DIBENARKAN MEMBELI BORANG SEBUT HARGA)	TARIKH: 08 SEPTEMBER 2019 MASA : 12.00 TENGAH HARI

1) KONTRAKTOR DIWAJIBKAN MENGEMUKAKAN SIJIL PERAKUAN KONTRAKTOR (PKK), SIJIL PEROLEHAN KERAJAAN (SPKK), SIJIL TARAF BUMIPUTRA YANG ASAL DAN MASIH SAH LAKU SEMASA PENDAFTARAN / MEMBELI DOKUMEN YANG BERHARGA RM20.00 SETIAP SEBUT HARGA.

2) DOKUMEN YANG TELAH DIISI HENDAKLAH DIMASUKKAN DALAM SAMPUL YANG BERLAKRI DAN TULIS NO.SEBUT HARGA SERTA TAJUK SEBUT HARGA DI BAHAGIAN ATAS SEBELAH KIRI DAN MASUKKAN KE DALAM PETI SEBUT HARGA PEJABAT TANAH DAERAH KUBANG PASU.

3) SEKIRANYA PIHAK TUAN/PUAN TIDAK MENERIMA SURAT SETUJU TERIMA MAKA PIHAK TUAN/PUAN TIDAK BERJAYA.

TARIKH : 28 AUG 2019

DISAHKAN OLEH :


HJ MOHD FISOL BIN MD NOH, SDK, AMK, BCK
PEGAWAI DAERAH KUBANG PASU
KEDAH DARUL AMAN

**SYARAT-SYARAT PERKHIDMATAN / TAWARAN BAGI KERJA MEMBERSIH DAN
MENCUCI BANGUNAN PEJABAT TANAH DAERAH KUBANG PASU
06000 JITRA, KEDAH DARUL AMAN**

1. Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang perkhidmatan dan berdaftar dengan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman adalah dipelawa untuk menawarkan **Perkhidmatan Mencuci dan Membersihkan Kompleks Pentadbiran Pejabat Tanah Daerah Kubang Pasu, Jitra, Kedah Darul Aman bagi tempoh 2 tahun mulai 01.11.2019 hingga 31.10.2021.**
2. Maklumat lanjut mengenainya dan Borang Sebut Harga serta dokumen-dokumen yang berkaitan boleh didapati **di Kaunter Hasil Pejabat Tanah Daerah Kubang Pasu, Jitra, Kedah Darul Aman** pada waktu bekerja dengan bayaran sebanyak **RM 20.00 (Ringgit Malaysia : Dua Puluh Sahaja) setiap set dan dibayar secara tunai.**
3. Penyebutharga yang berjaya dikehendaki mencuci dan membersihkan bangunan Pejabat Tanah Daerah Kubang Pasu terdiri daripada :
 - (i) Bangunan Pejabat Tanah Daerah Kubang Pasu
 - (ii) Kawasan Persekitaran Pejabat Tanah Daerah Kubang Pasu
4. Jenis Kerja :-
 - a) Setiap hari : masa (pagi dan tengah hari)
 - √ Mencuci, membersihkan, menyapu dan membuang semua sampah di dalam pejabat dan luar pejabat seperti di kaki lima serambi, tangga, longkang dan sebagainya.
 - √ Mencuci, membersihkan dan mewangikan semua bilik termasuk bilik air dan tandas serta perkakasan di dalamnya [tisu, tong sampah (sanitary)].
 - √ Membuang sampah dari bakul-bakul sampah, mesin perincih kertas dan membuang habuk rokok dari bekas habuk rokok.
 - √ Mencuci dan membersihkan longkang-longkang di sekeliling bangunan.
 - √ Mengemas dan membersihkan semua bilik mesyuarat / bilik gerakan dan dewan-dewan sebelum dan selepas digunakan.
 - √ Menggilap cermin tingkap dan meja-meja pegawai.
 - √ Merekodkan inventori yang ada di setiap premis di bawah jagaan dan melapor sebarang kehilangan dan kerosakan peralatan / perkakasan.

b) Seminggu sekali :-

- √ Membersih, membasuh dan mengilat semua lantai simen, terrazzo, mosaic, tile dan seumpamanya dan luar bangunan dengan menggunakan mesin dan bahan pencuci serta pengilat.
- √ Membersih dan mencuci permaidani di semua bilik yang terdapat permaidani termasuk bilik gerakan, surau dan bilik mesyuarat.
- √ Membersih, mencuci dan mengelap semua habuk-habuk di kaunter-kaunter, frame-frame tingkap, meja dan kerusi di bilik gerakan / mesyuarat dan dewan-dewan termasuk membersihkan siling bangunan pejabat dan dewan-dewan daripada sawang dan sarang labah-labah. Merekod inventori yang ada di setiap premis yang dicuci dan melaporkan sebarang kehilangan / kerosakan peralatan / perkakasan.

c) Lain-lain tugas yang berkaitan dengan kebersihan bangunan yang diarahkan dari semasa ke semasa.

5. Syarat tambahan :-

- i) Kontraktor yang berjaya dikehendaki membayar pendahuluan (deposit) sebanyak 5% daripada jumlah tahunan harga Sebut Harga.
- ii) Kontraktor yang berjaya dikehendaki mengambil sekurang-kurangnya 30% pekerja daripada bumiputera dan dikehendaki menempatkan tidak kurang dua (2) orang pekerja secara tetap.
- iii) Kontraktor yang berjaya dikehendaki menyediakan jadual kerja mencuci dan membersihkan tandas setiap hari bekerja.

6. Borang sebut harga dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam **Sampul Berlakri dan menulis No. Sebut Harga serta tajuk Sebut Harga di bahagian atas sebelah kiri dan memasukkan ke dalam Peti Sebut Harga Pejabat Tanah Daerah Kubang Pasu selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengah hari.**

08 SEP 2019

7. Syarat-syarat perjanjian serta lain-lain maklumat boleh didapati di Pejabat Tanah Daerah Kubang Pasu, Jitra, Kedah Darul Aman.

8. Kerajaan tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran yang tertinggi.